

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

Bil. (2) dlm. PT&G.Tr. 122/60 Jld. 3.

K. Terengganu: 28hb. Januari, 1982.
Bersamaan: 3hb. R'Akhir, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, BIL. 3, 1982.

Kadar Premium Dan Syarat-Syarat Tanah Kerajaan
Yang Di Perintah Secara Haram di Negeri Terengganu.

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah bersetuju meminda kadar premium tanah kerajaan yang diperintah secara haram di negeri ini sebagaimana berikut:-

- (A) Tanah yang dimiliki dengan secara haram hendaklah diluluskan kepada penduduk-penduduk itu dengan syarat-syarat seperti di bawah ini:-

1. TANAH GETAH:

- | | | | |
|-------|--|---|--|
| (i) | Keluasan | - | Mengikut Ukuran dalam pelan. |
| (ii) | (a) Harga tanah
(Tepi Jalan) | - | \$ 150.00 seekar. |
| | Harga tanah
(Yang Lain) | - | \$ 90.00 seekar. |
| | (b) | | Ditambah 2 sen pada tiap-tiap sebatang setahun dikira rata 180 batang satu ekar. |
| | (c) Hasil | - | Lama diduduki. |
| (iii) | Bayaran Hasil | - | Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| (iv) | Bayaran Upah Ukur,
Batu Sempadan dan
Persediaan Pelan. | - | Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965. |
| (v) | Jenis Keterangan | - | Mukim Geran. |
| (vi) | Kegunaan (Category) | - | Pertanian. |

Syarat Nyata:

Tanah yang dibenarkan ini hendaklah ditanam dengan getah sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadal atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhurat, Menteri Besar, Terengganu.

- II- Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak dibuat sedemikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.
- III- Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

2- TANAH KAMPUNG

- I- D) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan.
- II) a) Harga Tanah (Tepi Jalan) - \$ 90.00 seekar.
 b) Harga Tanah (Yang Lain) - \$ 60.00 seekar
- b) Ditambah satu sen pada tiap-tiap satu pohon yang kekal dikira umur pohon itu.
- c) Hasil - Lama diduduki.
- III) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.
- IV) Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.
- V) Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan. - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965.
- VI) Jenis Keterangan - Mukim Geran.
- VII) Kegunaan (Category) - Pertanian.

Syarat Nyata:

Tidak dibenarkan bertanam getah atau kelapa sawit.

Sekatan Kepentingan:

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadal atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhurat, Menteri Besar, Terengganu.

- II- Tuan Tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak dibuat sedemikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.
- III- Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

3. TANAH PADJ

- | | | | | |
|---|-----|----------|--|---|
| I | D | Keluasan | - | Mengikut ukuran dalam pelan. |
| | II) | a) | Harga Tanah (Tepi Jalan) | - \$ 50.00 seekar. |
| | | | Harga Tanah (Yang Lain) | - \$ 30.00 seekar. |
| | | b) | Ditambah Hasil | - Lamanya tanah itu diduduki. |
| | | III) | Bayaran Hasil | - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| | | IV) | Bayaran Pejabat | - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| | | (V) | Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan. | - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965. |
| | | VI) | Jenis Keterangan | - Mukim Geran. |
| | | VII) | Kegunaan (Category) | - Pertanian. |

Syarat Nyata:

Tanah ini dibenarkan bertanam padi sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Dalam selama masa sepuluh tahun (10) daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadal atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

- II- Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak dibuat sedemikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.
- III- Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

- (B) Tanah-tanah yang dimajukan dengan secara haram dan hendak diluluskan kepada lain daripada orang yang telah mengusahakannya itu hendaklah diluluskan dengan syarat-syarat yang berikut :-

1- TANAH GETAH

- | | | | |
|---|------|--|---|
| f | D) | Harga Tanah - \$ 600.00 seekar.
(Tepi Jalan Besar) | |
| | | Harga Tanah - \$ 400.00 seekar.
(Yang Lain) | |
| | ii) | Bayaran Hasil | - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| | iii) | Bayaran Pejabat | - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| | (iv) | Bayaran Upah Ukur,
Batu Sempadan dan
Persediaan Pelan. | - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965. |
| | v) | Jenis Surat
Keterangan Tanah | - Geran Mukim |

Sekatan Kepentingan Yang Dikenakan:

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidak boleh dibuat pindahmilik, digadal atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

2. TANAH KAMPUNG

- | | | | |
|------|--|---|---|
| D) | Harga Tanah
(Tepi Jalan) | - | \$ 200.00 seekar. |
| | Harga Tanah
(Yang Lain) | - | \$ 52.00 - \$ 150.00 seekar. |
| ii) | Hasil Tanah | - | Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| iii) | Bayaran Pejabat | - | Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| (iv) | Bayaran Upah Ukur,
Batu Sempadan dan
Persediaan Pelan. | - | Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965. |

Sekatan Kepentingan Yang Dikenakan:

- | | |
|-----|---|
| i) | Tanah ini tidak dibenarkan bertanam pokok getah dan kelapa sawit. |
| ii) | Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidak boleh dibuat pindahmilik, digadal atau disewakan dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu. |

3- TANAH PADU

- | | | | |
|------|--|---|---|
| i) | Harga Tanah
(Tepi Jalan) | - | \$ 150.00 seekar. |
| | Harga Tanah
(Yang Lain) | - | \$ 40.00 - \$ 150.00 seekar. |
| ii) | Hasil Tanah | - | Mengikut Peraturan Tanah
Terengganu, 1966. |
| iii) | Bayaran Pejabat | - | Mengikut Peraturan Tanah, 1966. |
| iv) | Bayaran Upah Ukur,
Batu Sempadan dan
Persediaan Pelan. | - | Mengikut Perintah Kanun
Tanah Negara
(Bayaran Ukur) 1965. |
| v) | Jenis Surat Keterangan | - | Geran Mukim. |

Syarat Nyata Yang Dikenakan:

Tanah ini dibenarkan kerana bertanam padi sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidak boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

2. Pindaan kepada kadar bayaran-bayaran premium tanah haram ini dianggap bermula daripada 1hb. September, 1981. Kadar bayaran-bayaran premium yang telah dipinda pada 17hb. Disember, 1968 melalui Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 662/68 adalah dibatalkan.

3. Akta Timbang Sukat 1972 (Akta 71) yang mengarahkan semua bentuk ukuran, sukatan dan timbangan hendaklah menggunakan sistem metrik dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/1982 adalah berkaitan.

* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA *

(DATO' LELA JASA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

S.K.
Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
TERENGGANU.

Fall PT&G.Tr. 13/66/1.